

Pembukaan Pra-pelancaran Taman Tema Genting SkyWorlds Pada 8 Februari 2022

Tiket akan dijual bermula 4 Februari 2022

Kuala Lumpur, 31 Januari 2022 – Taman tema Asia Tenggara yang paling dinanti-nantikan bakal dibuka pada 8 Februari 2022! Tiket akan dijual melalui [Laman Web Genting SkyWorlds \(gentingskyworlds.com\)](http://gentingskyworlds.com) dan Aplikasi Genting SkyWorlds bermula jam 10 pagi pada 4 Februari 2022.

Sempena pembukaan pra-pelancaran ini, Genting SkyWorlds akan menawarkan diskaun 20% ke atas harga tiket penuh bagi kunjungan dari 8 Februari sehingga 31 Mac 2022. Semasa tempoh pembukaan pra-pelancaran, akses Virtual Queue (VQ) dan Photo+ percuma akan disediakan, di mana para pengunjung boleh memuat turun dan berkongsi kandungan foto digital tanpa had. Harga tiket penuh adalah seperti berikut:

| Jenis Ticket | Harga Tiket Penuh (RM) | Harga tiket selepas diskaun 20% sempena pembukaan pra-pelancaran (RM) |
|---|------------------------|---|
| Standard (Ketinggian melebihi 110 cm) | 189 | 151 |
| Kanak-kanak (90cm ke 110cm) / Warga emas berumur 60 tahun ke atas / OKU | 161 | 128 |
| Kanak-kanak (Ketinggian di bawah 90cm) | PERCUMA | PERCUMA |

“Kami sudah bersedia untuk akhirnya menunjukkan taman tema kami kepada dunia, dengan pembukaan pra-pelancaran kami menjelang 8 Februari 2022 ini. Dibina dengan nilai pelaburan melebihi USD\$800 juta, tarikan bertema baharu ini bakal melonjakkan nama Pahang dan Malaysia di persada pelancongan dunia. Pembukaan taman tema ini akan turut menyumbang kepada sektor pelancongan dan ekonomi dengan kewujudan ribuan peluang pekerjaan,” kata Lee Thiam Kit, Ketua Operasi Perniagaan dan Strategi, Genting Malaysia Berhad.

Selepas membeli tiket secara dalam talian, para pengunjung digalakkan untuk memuat turun aplikasi Taman Tema Genting SkyWorlds yang tersedia dengan percuma di Google Play, Apple App Store dan Huawei AppGallery. Aplikasi ini bukan sahaja akan memberi panduan yang komprehensif dengan maklumat masa nyata (*real-time*) berkenaan Genting SkyWorlds, malah ia juga membolehkan para pengunjung untuk mengemudi dan melawat taman tersebut secara maya agar mereka dapat merancang aktiviti yang mereka minati terlebih dahulu, serta mencari arah dan jalan untuk ke destinasi mereka. Antara ciri-ciri aplikasi ini ialah, masa penungguan akan dipaparkan di aplikasi tersebut dan para pengunjung bolehlah merancang masa mereka untuk permainan, tarikan dan persembahan yang tersedia pada hari itu; menerima tawaran promosi dan baucar diskaun;

mendapatkan maklumat tempat-tempat makan, membeli-belah, permainan, serta perkhidmatan Photo+ yang canggih.

“Buat pertama kalinya di Asia Tenggara, aplikasi ini juga telah diintegrasikan dengan teknologi Virtual Queue (VQ), satu ciri pintar yang mampu mengurangkan masa menunggu yang lama dalam barisan fizikal dengan memberikan kebebasan kepada para pengunjung untuk melakukan aktiviti pilihan mereka DAN pada masa yang mereka boleh memilih sendiri! Pemegang tiket berkumpulan juga boleh masuk secara berkumpulan sekiranya mereka menggunakan aplikasi Genting SkyWorlds VQ. Aplikasi ini turut membolehkan pemegang tiket melihat cadangan aktiviti berdasarkan pilihan peribadi mereka, dan menerima notifikasi secara masa nyata untuk tempahan tarikan, ketersediaan, dan hiburan menarik” kata Greg Pearn, Naib Presiden, Ketua Operasi Taman Tema, Resorts World Genting.

“Dalam tempoh pra-pelancaran ini, Genting SkyWorlds akan menawarkan diskaun 20% ke atas harga tiket, sementara sesetengah tarikan masih di bawah proses pentaulahan dan tidak tersedia untuk menerima para pengunjung. Usaha membuka sebuah taman tema di masa pandemik ini adalah sesuatu yang amat mencabar, dan walaupun segala usaha telah dilakukan untuk memastikan setiap tarikan dapat dibuka, masih terdapat sebahagian kecil tarikan yang memerlukan masa yang lebih lama untuk disiapkan. Walaubagaimanapun, pasukan kami sedang bekerja keras untuk memastikan tarikan-tarikan ini dapat dibuka di masa terdekat,” kata Greg Pearn.

Dengan keluasan 26 ekar di ketinggian 6,000 kaki dari aras laut, Taman Tema Genting SkyWorlds bakal membawa para pengunjung mengembara ke sembilan ‘dunia’ yang diinspirasikan oleh filem dan pengembalaan, menggabungkan Harta Intelek (IP) asli, dan juga keseronokan serta keterujaan bertemakan filem di dalam permainan dan tarikan bertaraf dunia. Genting SkyWorlds juga telah mengeluarkan video ‘behind-the-scene’ dengan gambaran keseluruhan taman tema dan anda boleh menontonnya di [sini](#)!

Adakah anda teruja? Kunjungilah laman web atau muat turun aplikasi Genting SkyWorlds untuk menempah tiket-tiket anda hari ini!

Untuk maklumat lanjut, sila layari gentingskyworlds.com atau ikuti laman media sosial kami di [Facebook](#), [Instagram](#), [YouTube](#) dan [Twitter](#).

- TAMAT -

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia Berhad (GENM) adalah salah sebuah syarikat utama dalam bidang riadah dan perhotelan di dunia. Tersenarai di Bursa Malaysia, GENM memiliki dan mengendalikan pusat peranginan utama termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World Casino New York City dan Resorts World Catskills (yang dimiliki 49% melalui sebuah syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat (US), Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih daripada 30 buah kasino di United Kingdom (UK) dan Crockfords Cairo di Mesir.

Dengan anggaran 10,500 bilik daripada tujuh buah hotel yang berbeza, RWG adalah destinasi peranginan berintegrasi terulung di Malaysia. Pusat peranginan ini juga menampilkan pelbagai kemudahan riadah dan hiburan, termasuk perjudian, taman tema dan hiburan, kedai makanan dan

peruncitan, dan juga kemudahan untuk persembahan antarabangsa dan persidangan perdagangan. Genting Highlands Premium Outlets (kerjasama di antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) yang terletak di pertengahan bukit melengkapkan lagi tarikan di RWG. Tambahan lagi, taman tema luar, Genting SkyWorlds yang baharu akan meningkatkan lagi tarikan di RWG apabila siap kelak.

GENM merupakan ahli Kumpulan Genting, salah sebuah syarikat multinasional utama yang mempunyai pengurusan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan berwawasan yang telah mengukuhkan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor riadah dan perhotelan di Malaysia, Singapura, Filipina, Amerika Syarikat, Bahamas dan United Kingdom. Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang strategik di dalam industri global yang lain termasuk ladang kelapa sawit, pembangunan harta tanah, penjanaan kuasa, minyak dan gas, pelayaran dan bioteknologi.

Mengenai Taman Tema Genting SkyWorlds

Taman Tema Genting SkyWorlds adalah taman tema yang paling dinanti-nantikan di Asia Tenggara. Sebagai sebahagian dari barisan hiburan bersepadu Resorts World Genting, taman tema luar ini dibina di atas tanah seluas 26 ekar dan mempunyai 26 permainan dan tarikan yang sesuai untuk seisi keluarga dan pengunjung dari semua peringkat umur. Taman Tema Genting SkyWorlds bakal membawa para pengunjung mengembara ke sembilan ‘dunia’ yang diinspirasikan dari filem dan pengembalaan – Eagle Mountain, Central Park, Liberty Lane, Robots Rivet Town, Andromeda Base, Ice Age, Studio Plaza, Epic dan Rio. Setiap ‘dunia’ akan menampilkan pelbagai permainan dan tarikan yang dirancang dan dicipta untuk menyemarakkan daya imaginasi melalui pengalaman imersif. Kunjungan ini akan dilengkapkan dengan pelbagai kemudahan membeli-belah, menjamu selera serta hiburan yang unik dan menyeluruh untuk seisi keluarga.

Untuk maklumat lanjut mengenai Taman Tema Genting SkyWorlds, sila layari www.gentingskyworlds.com atau ikuti laman media sosial kami di [Facebook](#), [Instagram](#), [YouTube](#) dan [Twitter](#).

Siaran media in dikeluarkan bagi pihak **Resorts World Genting** oleh **GO Communications Sdn Bhd**.

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Resorts World Genting

Kristine Lim

Assistant Vice President, Marketing

T +603 2333 3263

kristine.lim@rwgenting.com

Jade Tan

Manager, Social Media & PR

T +603 6105 9351

jade.tan@rwgenting.com

GO Communications

Choulyin Tan

Communications Director

T +603 7710 3288

M +6016 856 7286

choulyin@gocomm.com.my

Sharon Ding

Senior Brand Manager

T +603 7710 3288

M +6017 279 9196

sharon@gocomm.com.my